



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

KEMPEN KEBERSIHAN DENGAN TEMA “JUM JAGA PAN BORNEO BAIT-BAIT” PERKUKUH KELESTARIAN DAN KEMAMPAHAN LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK

BINTULU, SARAWAK– Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak dan Syarikat Penyenggaraan Pan Borneo Highway (PBH) Asset Management Sdn Bhd hari ini telah melancarkan Kempen Kesedaran Kebersihan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dengan tema “Jum Jaga Pan Borneo Bait-Bait”. Tema ini diinspirasikan daripada pesanan Ketua Menteri Sarawak Kelima iaitu Tan Sri Datuk Patinggi Haji Adenan bin Satem yang menjadi semangat di sebalik pembinaan Lebuhraya Pan Borneo.

2. Peluncuran kempen ini adalah tepat pada masanya dan telah diadakan di salah satu P-Turn antara jajaran Miri – Bintulu melalui program gotong-royong bersama komuniti setempat. Penganjuran kempen ini susulan isu pembuangan sampah di kawasan P-Turn, hentian bas dan jejantas (Overhead Pedestrian Bridge (OPB)) di sepanjang Lebuhraya Pan Borneo yang semakin membimbangkan dan mencalar imej negeri dan rakyat Sarawak. Berdasarkan cerapan dan aduan yang diterima, masalah ini bukan sahaja mencacatkan pemandangan, malah mencemarkan alam sekitar, mengganggu keselesaan pemanduan dan boleh membahayakan keselamatan pengguna.

3. Matlamat kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna dan penduduk di sepanjang jajaran Lebuhraya Pan Borneo Sarawak untuk tidak lagi membuang sampah di lebuhraya, menggalakkan pengguna jalan raya dan penduduk setempat sama-sama menjaga kebersihan, serta mengekalkan imej Lebuhraya Pan Borneo yang bersih, indah, selamat dan selesa bukan sahaja untuk generasi sekarang tetapi juga generasi akan datang.

4. Sepanjang tempoh pelaksanaan kempen ini selama sebulan, pelbagai aktiviti akan dilaksanakan termasuk sesi taklimat kebersihan dan keselamatan di sekolah-sekolah berdekatan lebuhraya, sesi libat urus bersama Ketua Masyarakat dan Ketua

Kaum, penerbitan video kesedaran bersama media serta pempengaruh tempatan, he-
bahan melalui media arus perdana dan media sosial, sesi temu bual di televisyen dan
radio tempatan, serta pelaksanaan Program 'OPB Angkat' yang melibatkan tiga
sekolah terpilih bagi menjaga kebersihan jejantas berhampiran sekolah masing-mas-
ing dengan sokongan daripada syarikat penyenggaraan Pan Borneo Highway Asset
Management Sdn. Bhd. melalui program Tanggungjawab Sosial Korporatnya.

5. KKR percaya dan yakin bahawa dengan semangat bekerjasama 'Segulai Se-
jalai', rasa sayang terhadap negeri dan infrastruktur yang disediakan serta pengha-
yatan nilai hormat, ihsan dan kesejahteraan seperti yang ditekankan dalam konsep
Malaysia MADANI dan pesanan keramat dari Almarhum Tok Nan, rakyat Sarawak
mampu menjaga Lebuhraya Pan Borneo agar sentiasa bersih, indah, selamat dan
selesa. Syabas Orang Sarawak! Sarawak Maju Makmur!

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA

18 OGOS 2025

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MADANIbekerja

#PanBorneoSarawak

#JumJagaPanBorneoBait-Bait

#Jalankitatanggunjawabkita

#MalaysiaMADANI